



جائزہ کجائیم شریعتیہ کنری جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (47)
Takwim : 22 Syawal 1446H
Tarikh : 21 April 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 2 TAHUN 2025**


Pemakaian Borang Penamaan Calon Ahli Jawatankuasa Pendamai

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 1/2025 bertarikh 13 Mac 2025 bersamaan 12 Ramadan 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Pemakaian Borang Penamaan Calon Ahli Jawatankuasa Pendamai sebagaimana berikut:

“Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini”

1. Kecuali jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, sebelum pelantikan Jawatankuasa Pendamai (JKP) di bawah subseksyen 47 (5), subseksyen 49 (4), subseksyen 52 (8) dan subseksyen 52 (9) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, suami dan isteri hendaklah mencalonkan seseorang yang boleh bertindak bagi pihak mereka.
2. Pencalonan tersebut hendaklah dengan menggunakan Borang JKP1 sebagaimana di Lampiran A.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

BORANG JKP1

PENAMAAN CALON AHLI JAWATANKUASA PENDAMAI

Kes Mal Bilangan :

Nama Suami/Isteri :

BAHAGIAN A		
BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama	
2.	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	
3.	Umur	
4.	Alamat Surat Menyurat Terkini	
5.	Hubungan	
6.	No. Telefon	
7.	E-mel	

.....

(Tandatangan Suami/Isteri)

BAHAGIAN B

PERAKUAN CALON AHLI JAWATANKUASA PENDAMAI:

Adalah saya

No. KP: membuat perakuan sebagaimana berikut:

1. Bahawa segala maklumat di Bahagian A adalah benar.
2. Bahawa saya bersetuju dan sanggup dilantik oleh Mahkamah sebagai Ahli Jawatankuasa Pendamai yang bertindak bagi pihak No. KP:
3. Bahawa saya mengetahui hal keadaan kes ini.
4. Saya juga bersedia untuk mematuhi segala arahan Mahkamah dan Pengerusi Jawatankuasa Pendamai yang diberikan kepada saya.

.....
(Tandatangan Calon Ahli Jawatankuasa Pendamai)

Tarikh:

Masa:

- * Bahagian A diisi oleh suami atau isteri.
- * Bahagian B diisi oleh orang yang dicalonkan sebagai ahli Jawatankuasa Pendamai.
- * Sila serahkan borang ini kepada Mahkamah dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan borang ini.
- * Potong mana yang tidak berkenaan.